

04 MAY 2001

MAHATHIR-BAKUN

TNB MUNBGKIN MILIKI KEPENTINGAN LEBIH BESAR DLM PROJEK BAKUN

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Tenaga Nasional Bhd (TNB) mungkin memiliki kepentingan yang lebih besar bagi projek hidroelektrik Bakun yang kini telah dikurangkan skalanya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bercakap pada sidang media selepas melawat ibu pejabat TNB di Bangsar di sini, beliau berkata Bakun mempunyai masa depan yang cerah sekarang kerana dengan masalah tenaga di Amerika Syarikat, banyak syarikat-syarikat aluminium relau lebur yang akan ditutup dan berpindah.

"Kita mungkin boleh menarik beberapa daripada mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau berharap TNB akan menjadi syarikat Malaysia pertama mencapai keuntungan RM3 bilion setahun.

TNB dijangka mencapai keuntungan RM3 bilion memandangkan permintaan elektrik yang meningkat manakala syarikat gergasi utiliti itu sendiri akan menjadi lebih efisien.

Mengenai cadangan tarif elektrik yang baru, Dr Mahathir berkata ia terikat kepada harga gas yang tidak naik sehingga penghujung tahun dan oleh itu tiada sebab untuk kos elektrik akan dinaikkan.

Bagaimanapun, beliau berkata hubungan antara gas dan tarif elektrik telah dikaitkan terlalu banyak pergantungan terhadap gas untuk menjana elektrik, sedangkan negara mempunyai polisi empat tenaga.

"Mungkin kita akan kembali kepada kilang tenaga terma menggunakan arang batu dan minyak diesel. Jadi apabila kita menghadapi masalah, kita boleh menggunakan minyak sawit," kata beliau.

Mengenai isu lain, Dr Mahathir berkata kerajaan memikirkan semula untuk menswastakan aset-aset TNB berikutan kegagalan bekalan tenaga di California.

"Kita mempunyai idea yang berbeza sebelum ini, dengan membahagikan pengedaran dan penghasilan tenaga. Kita perlu berhati-hati mengenai bagaimana melakukan perkara ini dan kita tidak boleh mengikut contoh orang lain kerana mereka juga melakukan kesalahan," kata beliau lagi. -- BERNAMA

MAD MKO SHY NHD